

**GARIS PANDUAN**  
**UNIT PERLESENAN AGENSI PENGAWAL KESELAMATAN (UPAPK)**

---

- 1) Permohonan Mendapatkan Borang C**
- 2) Permohonan Tapisan Keselamatan Borang C**

**Syarat Dan Peraturan Permohonan**

1. Pemegang lesen (syarikat) mestilah mempunyai lesen perniagaan agensi pengawal keselamatan yang masih sah (tidak mansuh).
2. Pemegang lesen hendaklah terlebih dahulu mengemukakan permohonan untuk membaharui lesen dua (02) bulan sebelum mansuh lesen dengan menyertakan dokumen-dokumen seperti yang diperlukan.
3. Surat permohonan mendapatkan borang C mestilah menyatakan jumlah borang yang dipohonkan serta keperluannya.
4. Surat permohonan tapisan keselamatan borang C mestilah menyertakan dokumen-dokumen berikut:
  - a) senarai nama penuh pemohon (seperti dalam kad pengenalan pemohon)
  - b) dua (02) salinan Borang C mestilah diisi dengan lengkap dan betul
  - c) dua (02) keping gambar terbaru pemohon yang sesuai untuk passport
  - d) satu (01) salinan kad pengenalan pemohon
5. Surat permohonan hendaklah daripada pemegang lesen atau pengarah atau pengurus syarikat yang berdaftar dengan Unit Perlesenan Agensi Pengawal Keselamatan.

**Makluman Dan Perhatian**

1. Permohonan yang tidak mematuhi syarat atau dokumen tidak lengkap adalah tidak diterima untuk diproses.
2. **Bab 12(1), Akta Agensi Keselamatan** - pemegang lesen **tidak boleh menggaji** mana-mana orang sebagai pengawal tanpa terlebih dahulu mengemukakan Borang C (mengandungi butir-butir pemohon) kepada Pesuruhjaya Polis selaku Pegawai Melesen.
3. Pengambilan mana-mana pekerja pengawal keselamatan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan tapisan keselamatan daripada Polis (UPAPK).
4. **Bab 11(2) (a), Akta Agensi Keselamatan** - pemegang lesen tidak boleh menggaji mana-mana orang (pekerja) yang didapati ada mempunyai rekod kesalahan jenayah (traced).
5. **Bab 22, Akta Agensi Keselamatan** - pemegang lesen yang didapati tidak mematuhi peruntukan **Bab 11(2)(a) dan 12(1) adalah melakukan satu kesalahan** dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan **denda tidak melebihi \$2,000** setiap satu kesalahan.